

- 2 **Kalam Editor**
Inspirasi Kisah di Haramain
- 3 **Pedoman**
Lihatlah Orang yang Berada di Bawah
- 4 **Tamadun**
Tetamu Pilihan Allah
Hafizul Rasdi
- 8 **Tamadun 2**
Zulhijah dan Pengorbanan
Mohd. Kamel Mat Salleh
- 12 **Kalam**
Di Sebalik Aksara Insan
Noorilham Ismail
- 15 **Doa**
Doa Memohon Perlindungan Ketika Keluar Rumah
- 16 **Mehnah**
Iktibar daripada Peperangan Badar
Ahmad Akram Mahmud Robbi
- 19 **Puisi Jawi**
Destinasi
Abd. Rahim Omar
- 20 **Fikrah**
Ulama Pewaris Nabi
Perspektif Ajaran Islam
Zakaria Stapa
- 24 **Taadib**
Hikmah Melalui Refleksi Pengajaran Guru
Nur Hanani Hussin
- 28 **Tarbiah**
Menyantuni Sejarah Sebagai Iktibar
Sidek Baba




- 32 **Sakinah**
Wanita Berkerjaya demi Keluarga Bahagia
Mohd Nor Mamat
- 36 **Tasawur**
Tasawur Pengurusan Harta Berteraskan Islam
Mohd Shukri Hanapi
- 40 **Munaqasyah**
Rukyah daripada Sumber yang Sahih
Khadher Ahmad
- 44 **Sunnah**
Membina Generasi Cinta akan Masjid
Burhan Che Daud
- 48 **Istilah Semasa**
- 49 **Puisi**
Sungai Kalbu
Nazim Mohd Subari
Rindu
Muhamad Hisham Lee
- 50 **Renungan**
Surah al-Muzzammil Inspirasi Pembentukan Sahsiah Pemimpin
Muhammad Nizam Ab. Ghani
- 54 **Ilmuwan Islam**
Ketokohan al-Biruni dalam Ilmu Matematik dan Astronomi
Fatin Mardhiah Shamsudin
- 58 **Cerpen**
Allah Terbaik-baik Perancang
Husnaida Abdul Manan@Sulong
- 62 **Pedoman**
Pahala Sedekah yang Paling Besar
- 63 **Teka Silang Kata Jawi**

Membina Generasi Cinta akan Masjid


■ Burhan Che Daud

Dekan Fakulti Pengajian Bahasa dan
Pembangunan Insan, Universiti Malaysia
Kelantan

Masjid merupakan rumah Allah SWT di atas muka bumi bagi manusia yang beriman bersujud dan mempersembahkan *ubudiyah* kepada-Nya. Dalam hubungan ini, Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Jinn* ayat 18 yang bermaksud, “Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah.”



Rasulullah SAW telah menunjukkan teladan terbaik kepada umat Islam supaya menjadikan institusi masjid sebagai wahana utama pendidikan anak-anak sejak dari kecil supaya mereka dididik dan dilatih dalam iklim Islami.



Dalam pentafsiran ayat ini, Imam al-Qurtubi mengemukakan riwayat daripada Ibn Abbas bahawa maksud masjid dalam ayat ini merujuk Makkah (yakni Kaabah) yang menjadi tempat manusia bersujud kepada Allah SWT. Berseesuaian dengan pandangan Ibn Abbas tersebut, Imam al-Qurtubi mengemukakan satu lagi riwayat daripada Sa'id bin Jubair merujuk kisah golongan jin yang bertanya kepada Rasulullah SAW tentang kepayahan mereka untuk hadir dan menyertai solat bersama-sama Baginda disebabkan mereka tinggal jauh daripada Makkah. Maka itu, ayat tersebut diturunkan bagi menjawab kemusykilan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa masjid bersifat eksklusif yang hanya bagi tujuan bersujud kepada Allah SWT, namun dalam masa yang sama masjid turut berciri inklusif yang mengundang mereka yang beriman termasuk golongan jin untuk turut sama mengimarahkannya dengan amal ibadat.

Masjid – Rumah Allah yang inklusif

Dalam konteks pendidikan, masjid merupakan institusi pertama dan paling utama dalam usaha menyediakan biah ubudiyah bagi masyarakat Islam menzahirkan serta menghayati tuntutan beragama dalam kehidupan selain menjadi pusat ilmu dalam komuniti. Institusi masjid haruslah bersifat inklusif bagi meraikan seluruh peringkat umur dalam masyarakat Islam tanpa diskriminasi gender dan kedudukan. Hal ini termasuklah

kaum lelaki dan wanita yang terdiri daripada golongan warga emas, golongan kelainan upaya (OKU), dewasa, remaja dan kanak-kanak. Peranan masjid yang bersifat inklusif khususnya kepada golongan kanak-kanak terbukti melalui suluhan sirah nabawiyah yang telah menunjukkan uswah hasanah bagi umat Islam. Antara kisah yang berkaitan termasuklah:

- a. Rasulullah SAW membawa dan mendukung cucunda Baginda, Umamah binti Zainab semasa mengimamkan solat berjemaah bersama-sama para sahabat (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim).
- b. Rasulullah SAW membawa cucunda Baginda Hasan atau Husain untuk solat berjemaah pada waktu malam (Hadis riwayat Imam Ahmad dan Imam al-Nasa'i).
- c. Ketika Rasulullah SAW sedang menyampaikan khutbah di masjid, cucunda Baginda Hasan dan Husain masuk ke masjid (Hadis riwayat Imam al-Nasa'i dan Imam Abu Dawud).
- d. Kisah golongan Ansar yang berpuasa pada 10 Muharam dan melatih anak-anak kecil mereka berpuasa serta membawa mereka ke masjid (Hadis riwayat Imam Ibn Khuzaimah, Imam Ibn Hibban dan Imam al-Baihaqi).

Dalam konteks ini, Rasulullah SAW telah menunjukkan teladan terbaik kepada umat Islam supaya menjadikan institusi masjid sebagai wahana utama pendidikan anak-anak sejak dari kecil supaya mereka dididik dan dilatih dalam iklim Islami berpaksikan masjid sebagai pusat pendidikan sosial kanak-kanak.

Masjid – Institusi pendidikan awal kanak-kanak

Pendidikan awal kanak-kanak seawal usia tujuh tahun bermula dengan perintah solat. Dalam satu hadis riwayat Imam Abu Dawud dan Imam al-Tirmidzi, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Perintahkanlah anak-anakmu menunaikan solat apabila mereka telah mencapai usia tujuh tahun. Pukullah mereka kerananya (yakni sekiranya mereka tidak menunaikan solat) setelah mereka berumur sepuluh tahun."

Dalam hubungan ini, Mahmud al-Hariri menerusi karya beliau, *Ahkam al-Masajid fi al-Islam (Hukum-hakam Masjid Menurut Perspektif Islam)* mengemukakan hujah bahawa para ilmuwan Islam secara konsensus bersetuju membolehkan kanak-kanak berumur tujuh tahun dan

ke atas hadir ke masjid. Hal ini berasaskan hakikat bahawa proses pendidikan solat berlaku dengan lebih berkesan di masjid apabila kanak-kanak berada dalam biah yang membolehkan mereka mempelajari hal ehwal praktikal solat secara langsung. Selain itu, pendidikan solat yang dilaksanakan di masjid akan dapat memberikan kesedaran dan kefahaman lebih awal kepada kanak-kanak bahawa solat berjemaah di masjid merupakan agenda penting dalam kehidupan mereka. Solat dan masjid tidak dapat dipisahkan sebagaimana roh dan jasad kekal bersama setiap masa hingga ke akhir usia.

Peranan masjid pada zaman mufakhir


Pada era pascapandemik, umat Islam berada dalam suatu cabaran baharu untuk kembali mengimarahkan masjid sebagaimana sebelumnya. Setelah hampir dua tahun umat Islam mengalami situasi masjid yang perlu mematuhi prosedur kehadiran yang amat terhad sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kini usaha memeriahkan semula masjid yang suram semakin

rancak dan bersemangat. Para ibu bapa mula merancang untuk memulakan kembali proses pendidikan solat anak-anak di masjid.

Namun begitu, timbul beberapa insiden yang memperlihatkan kepada masyarakat Islam bahawa sesetengah masjid masih tidak dapat menerima kehadiran kanak-kanak untuk solat bersama-sama orang dewasa. Barangkali tempoh PKP selama dua tahun menatijahkan generasi anak-anak yang terhalang daripada merasai nikmat dan keseronokan beribadat di masjid serta semakin jauh untuk menghayati hubungan mereka dengan masjid. Maka itu, di sinilah munculnya keperluan mendesak bagi semua pihak yang berkepentingan untuk memikirkan strategi berkesan dan melaksanakan tindakan berimpak ke arah menonjolkan konsep serta ciri "Masjid Mesra Kanak-kanak". Sudah pasti sinergi dan kolaborasi pelbagai pihak amat signifikan dalam memastikan inisiatif ini mencapai kejayaan.

Pendidikan sosial kanak-kanak di masjid

Berasaskan pemikiran bahawa pendidikan sosial yang dipimpin dan terarah bagi generasi anak-anak boleh dilaksanakan secara inklusif oleh institusi masjid, maka ibu bapa, pihak berkuasa masjid dan komuniti Muslim setempat harus bersinergi bagi melaksanakan agenda ini secara bersama dan tidak terpisah. Terdapat beberapa pendekatan yang boleh diambil bagi melaksanakan inisiatif ini dengan



Abu Hurairah r. a. berkata:

"Jika seorang antara kalian mendengar iqamat, maka janganlah dia terburu-buru ke masjid, kerana sesungguhnya yang paling besar pahalanya antara kalian adalah yang paling jauh rumahnya."

Orang-orang bertanya, "Mengapa, Abu Hurairah?"

Bellau menjawab:

"Kerana banyaknya langkah kaki."

(*Al-Muwatta' Iman* Malik, Jilid 1, him. 33)

berkesan berdasarkan peranan yang boleh dimainkan oleh tiga golongan utama tersebut, iaitu:

1 Peranan Ibu bapa
Ibu bapa berperanan dalam usaha menyempurnakan pendidikan awal fardu ain bagi kanak-kanak dalam keluarga. Proses ini seharusnya bermula melalui kefahaman dan pembudayaan adab serta akhlak mulia dalam diri. Amat malang sekiranya ibu bapa terlalu fokus terhadap hasil pencapaian kognitif dan mengesampingkan penghayatan afektif dalam proses pendidikan anak-anak. Pendidikan adab di rumah akan menghasilkan generasi anak-anak yang mampu hidup dan berinteraksi dalam konteks sosial yang lebih luas, rencam serta mencabar. Kesungguhan ibu bapa dalam aspek ini akan membantu anak-anak menyesuaikan diri mereka dalam situasi yang bakal

dihadapi apabila mereka hadir ke masjid untuk solat berjemaah bersama-sama komuniti setempat. Lebih afdal sekiranya ibu bapa yang hadir bersama-sama anak masing-masing memantau perkembangan pendidikan sosial anak-anak di masjid dan membina hubungan baik dalam kalangan ahli jemaah. Secara tidak langsung, pendekatan ini akan mewujudkan semangat takaful dan mengambil berat antara satu sama lain.

2 Peranan imam dan jawatankuasa masjid
Sebagai pihak yang mempunyai autoriti dalam pengurusan masjid dan ahli kariah, imam dan jawatankuasa masjid seharusnya menjadikan agenda pendidikan sosial kanak-kanak di masjid sebagai agenda strategik selaras dengan perancangan masjid dalam konteks pembangunan generasi masa hadapan. Generasi kanak-kanak yang disantuni, dididik dan dibina dalam biah *ubudiyah* di masjid sudah pasti akan menjadi aset bernilai bagi komuniti setempat dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Konsep "Masjid Mesra Kanak-kanak" perlu direalisasikan agar masjid menjadi tempat tumpuan yang dirindui oleh generasi anak-anak. Suatu yang menarik juga jika pihak jawatankuasa masjid dapat membangunkan model

berserta modul "Masjid Mesra Kanak-kanak" yang mengambil inspirasi daripada amalan baik yang telah dilaksanakan oleh masjid-masjid di dalam dan luar negara.

3 Peranan ahli kariah
Dalam konteks ahli kariah atau komuniti setempat, cabaran membudayakan pendidikan sosial kanak-kanak di masjid adalah antara aspek yang perlu diperhalusi. Pada hakikatnya, sekiranya proses pendidikan adab berlaku dengan jayanya pada peringkat keluarga, maka usaha pembudayaan ini pada peringkat komuniti akan menjadi lebih mudah dan meluas. Inisiatif pada peringkat komuniti akan menjadi lebih terarah sekiranya pihak pengurusan masjid mempunyai dasar dan pendekatan yang jelas untuk menjayakan agenda pendidikan sosial kanak-kanak di masjid.

Usaha dalam pendidikan adab dan pembangunan insan generasi kanak-kanak menjadi tanggungjawab semua pihak. Pendidikan sosial kanak-kanak yang berteraskan nilai-nilai tinggi ajaran Islam seharusnya terjelma melalui institusi yang paling penting dalam kehidupan umat Islam, iaitu institusi masjid. Jika pepatah Inggeris menyebutkan; 'it takes a village to raise a child', umat Islam dengan bangganya boleh menyatakan bahawa; 'it takes a mosque and its community to raise a Muslim generation'. ☺